

| | | | |
|------------|----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Rai jadi duta perangi AIDS | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 26 Sep 2012 | Color | Full Color |
| Section | Dunia | Circulation | 115,967 |
| Page No | 46 | Readership | 406,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 187 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,626 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,878 |



Rai jadi duta perangi AIDS

NEW YORK - Pelakon terkenal Bollywood, Aishwarya Rai Bachchan dinamakan sebagai duta oleh sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memerangi penularan jangkitan HIV dan penyakit AIDS.

Dia menjadi Duta Muhibah Program Bersama PBB Berhubung AIDS dan HIV (UNAIDS).

Rai, 38, diberi tanggungjawab untuk memerangi penyakit AIDS dalam kalangan kanak-kanak di India dan 21 buah negara di Afrika.

"Menyebarkan kesedaran terhadap isu-isu kesihatan terutama berkaitan wanita dan kanak-kanak telah menjadi keutamaan buat saya.

"Saya percaya setiap bayi yang lahir harus bebas daripada HIV," kata Rai di ibu pejabat PBB di sini kelmarin.

Aktres itu merupakan bekas ratu cantik dunia pada tahun 1994.

Dia membuat kemunculan sulung dalam industri filem Bollywood pada tahun 1990-an.

Rai berkahwin dengan aktor Abhishek Bachchan pada tahun 2007 dan dikurniakan seorang anak perempuan pada November tahun lalu. - Agensi



RAI bercakap kepada pemberita di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York kelmarin.